

**MINIT MESYUARAT
CADANGAN PEMBINAAN MASJID DI ALAM SARI
KAJANG SELANGOR
MESYUARAT NO. 03/2019**

**TARIKH : 2 November 2019 (Sabtu)
5 Rabiulawal 1441**
MASA : 9.00 pagi
TEMPAT : DEWAN SOLAT, SURAU AL AMIN ALAM SARI

Bahawa, suatu notis mesyuarat telah dikeluarkan oleh Sdr Hafidz melalui pesanan Kumpulan Whatapps Protem Masjid Alam Sari pada 25 Oktober 2019 bagi membincangkan agenda-agenda seperti berikut;

Agenda Mesyuarat:

1. Pemutusan KONSEP Masjid Baiturrahman
2. Cadangan Fasiliti & Kemudahan Masjid
3. Senarai syarikat Akitek Bagi Cadangan Rekabentuk Masjid
4. Cadangan Pembukaan Tabung Wakaf Masjid
5. Lain-lain Perkara Berbangkit

Kehadiran:

** Kehadiran penduduk adalah seperti di **Lampiran A**

No	Agenda Dibincangkan	Info/Tindakan Oleh
1.0	<u>Pendahuluan</u>	
1.1	Mesyuarat bermula pada jam 9.15 pagi dan dipengerusikan oleh Sdr Hafidz dengan memberikan kata-kata aluan dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli Protem Masjid Baiturrahman di atas kehadiran mereka pada mesyuarat pagi ini.	
1.2	Sdr Hafidz seterusnya melanjutkan ucapan dengan memetik satu kisah ketika Perang Uhud yang mana secara umumnya ia berkaitan dengan perang Nabi s.a.w yang berkait rapat dengan strategi dan perancangan dalam melaksanakan sesuatu agenda yang memerlukan penglibatan dan maklumbalas semua pihak bagi merealisasikan objektif yang ingin dicapai.	Info
1.3	Sehubungan itu Sdr Hafidz memohon agar semua pihak berlapang dada dengan segala keputusan dan tindakan yang akan diambil di dalam setiap perancangan bagi menubuhkan masjid ini dan insyaAllah tiada khianat di dalam mesyuarat-mesyuarat kecil kerana segala keputusan akhir hanya akan diputuskan melalui mesyuarat Protem sahaja.	
1.4	Beliau seterusnya memaklumkan bahawa surat permohonan penubuhan masjid telah dihantar kepada pihak JAIS pada 20/10 dan	Info

<p>3.3</p> <p>3.4</p> <p>3.5</p> <p>3.6</p>	<p>Sdr Hamidul telah membentangkan jenis-jenis fasiliti yang dicadangkan seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kuarters Imam dan Bilal ➤ Pejabat Pengurusan ➤ Bilik Pengurusan Jenazah ➤ Bilik Imam & Bilal ➤ Dewan Pelbagai Guna (MPH) ➤ Bilik Kuliah/Ruang Kelas ➤ Bilik Tetamu (Guest Room) ➤ Ruang Korban ➤ Café & kiosk perniagaan ➤ Perpustakaan mini ➤ Dapur ➤ Setor ➤ Ruang riadah kanak-kanak <p>Sdr Fahmi telah memberikan pandangan supaya konsep dan fasiliti masjid ini bercirikan Sunnah seperti menyediakan ruang-ruang sebagai tempat aktiviti seperti memanah dan berkuda. Ini bagi mendidik anak-anak kariah Alam Sari supaya mendekati sukan-sukan Sunnah ini.</p> <p>Selain itu beliau mengingatkan agar fasiliti yang disediakan tidak menyumbang kepada perkara haram dan mungkar seperti kafe dan kiosk perniagaan dan dewan sebaguna. Ini adalah kerana dibimbangi terdapat unsur-unsur haram di dalamnya seperti pergaulan/percampuran bebas lelaki perempuan, perkara 'lagho' dan sebagainya.</p> <p>Dibimbangi unsur-unsur ini akan menghindarkan rahmat dan keberkatan Allah s.w.t dalam pembinaan masjid.</p> <p>Sdr Nazri memaklumkan bahawa ruang-ruang aktiviti sukan tersebut adalah agak sukar dilaksana kerana kekangan tempat serta tertakluk kepada kelulusan pihak perancang Pihak Berkuasa Tempatan. Ia juga berkait rapat dengan faktor keselamatan orang ramai.</p> <p>Diakhir perbincangan, ahli yang hadir bersetuju fasiliti-fasiliti tersebut dicadang dimasukkan di dalam rekabentuk masjid baiturrahman.</p>	<p>Info</p> <p>Teknikal</p>
<p>4.0</p> <p>4.1</p> <p>4.2</p>	<p><u>Senarai Syarikat Arkitek Bagi Rekabentuk Masjid Baiturrahman</u></p> <p>Sdr Hamidul seterusnya membentangkan beberapa syarikat Arkitek yang dicadang akan dipanggil bagi menyediakan cadangan rekabentuk Masjid Baiturrahman. Syarikat-syarikat ini disenarai pendek dan dicadang oleh beberapa Ahli Protem.</p> <p>Kepelbagaian syarikat Arkitek ini adalah bagi mendapatkan satu rekabentuk dan idea yang lebih baik dan memberi pilihan kepada Ahli Protem dalam memberi pandangan dan membuat pilihan. Ia juga diharap dapat mewujudkan transperansi dikalangan ahli agar syarikat yang dipilih kelak menepati konsep yang telah diputuskan dan dipersetujui dan disepakati oleh semua pihak.</p>	<p>Info</p>

4.3	<p>Syarikat-syarikat Arkitek yang dicadang adalah seperti berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jamal Shuib Architect (JSA) 2. Shafik Zaman Architect (SZA) 3. Nea Partnership Architect (NEA) 4. Zulhilmy Mohd Salleh Architect (ZMS) 5. Zocres Studio Sdn Bhd 	
4.4	<p>Sdr Hamidul seterusnya memaklumkan bahawa Arkitek-Arkitek ini akan dijemput bagi memberikan cadangan rekabentuk Masjid Baiturrahman oleh Bahagian Teknikal yang dijangka dibuat pada bulan Disember kelak.</p>	
4.5	<p>Sdr Hafidz memaklumkan penilaian teknikal akan dibuat oleh Bahagian Teknikal setelah Arkitek-Arkitek tersebut memajukan rekabentuk masing-masing dan pembentangan telah dijalankan. Pihak Ahli Protém juga lah yang akan membuat keputusan kelak bagi memilih Arkitek yang bejaya menepati kriteria konsep dan rekabentuk yang disepakati.</p> <p>Seterusnya, perlantikan Arkitek akan dibuat secara rasmi oleh Bahagian Teknikal setelah pemilihan rekabentuk Arkitek dipersetujui secara majoriti oleh Ahli Protém</p>	Teknikal
5.0	<p><u>Cadangan Pembukaan Tabung Wakaf Masjid</u></p>	
5.1	<p>Sdr Hafidz memaklumkan bahawa pembukaan tabung wakaf akan dilaksanakan setelah pihak JAIS memberikan kelulusan bertulis kepada kita. Pada peringkat ini, pihak JAIS berkemungkinan mengadakan lawat periksa tapak masjid sebelum kelulusan permohonan dikeluarkan. Pihak Setiausaha akan terus membuat 'follow up' bagi mendapatkan status terkini dari semasa ke semasa.</p>	Info
5.2	<p>Bagi pembukaan tabung wakaf, pihak Protém hendaklah mengenalpasti bank yang dicadang untuk dibuka akaun tersebut. Sdr Hafidz mencadangkan membuat tiga pilihan bank iaitu Bank Muamalat, Bank Islam dan Maybank Islamik.</p> <p>Bagi memutuskan pilihan bank ini, pihak Bendahari, AJK Tabung Wakaf serta Pengerusi Protém akan berbincang lebih lanjut bagi membuat keputusan.</p>	S/U Bendahari/ Ajk Wakaf/ Dato Pengerusi
6.0	<p><u>Lain-lain Perkara Berbangkit</u></p>	
6.1	<p>Sdr Hafidz memaklumkan bahawa mesyuarat akan datang dijangka diadakan pada tahun 2020 memandangkan pihak teknikal akan membuat jemputan syarikat-syarikat Arkitek serta melibatkan proses penilaian teknikal terhadap cadangan rekabentuk.</p> <p>Jika terdapat sebarang maklumat pihaknya akan mengemaskini di dalam whatapps kumpulan Protém.</p>	Info

7.0	<u>Penangguhan Mesyuarat</u>	
7.1	<p>Mesyuarat telah ditangguhkan lebih kurang pada pukul 11.30 pagi oleh Sdr Hafidz dengan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir bagi menjayakannya.</p> <p>Mesyuarat diakhiri dengan bacaan tasbih kifarah dan surah al 'asr</p>	

SEKIAN TERIMA KASIH

Pencatat Minit:

.....
Sdr Hamidul Ghazali Mohamed
Timbalan Setiausaha (Teknikal), Protem Masjid Baiturrahman

Diperiksa Oleh;

.....
Sdr Hafidz Kudus
Setiausaha, Protem Masjid Baiturrahman

Disahkan Oleh;

.....
YBhg Dato' Sayed Jaafar Sayed Ibrahim
Pengerusi, Protem Masjid Baiturrahman